

BAB 6: KESULTANAN JOHOR RIAU

6.1 Pengasasan Kesultanan Johor Riau (buku teks Sejarah Tingkatan 2 m/s 98-99)

Pengasasan Kerajaan

Soalan

Nyatakan persamaan Kesultanan Johor Riau dan Kesultanan Melayu Melaka

Siapakah pengasas Kesultanan Johor Riau

Siapakah yang dititahkan menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di pesisir Johor

Jawapan

Bendahara Seri Nara Diraja

Diasaskan oleh waris Kesultanan Melayu Melaka, mewarisi Sistem pemerintahan dan pentadbiran serta wilayah jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka

Raja Ali, Putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah. Menggunkan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah

Pusat pemerintahan Kota Kara, Pekan Tua

1. Siapakah yang membina pusat pemerintahan di Kota Kara 1528 ?

2. Nyatakan keistimewaan Kota Kara, Pekan Tua ?

Antara keistimewaan Kota Kara ialah terletak _____ sungai yang lebar dan memudahkan kapal untuk keluar masuk. Seterusnya kawasan _____ di sekitar Kota Kara menjadi _____ pertahanan dari ancaman luar.

Pusat pemerintahan Kota Sayong, Sayong Pinang

1. Apakah punca yang menyebabkan peralihan pusat pemerintahan Kota Kara ke Kota Sayong Pinang?

Punca yang menyebabkan peralihan pusat pemerintahan Kota Kara ke Kota Sayong Pinang disebabkan Kota Kara telah _____ oleh _____ pada tahun 1535.

2. Nyatakan sebab utama Sultan Alauddin Riayat Shah I memilih Kota Sayong ?

Sultan Alauddin Riayat Shah I memilih Kota Sayong kerana kawasan ini lebih _____ dan _____ sukar melintas sungai yang _____.

	Portugis
berhampiran	Sultan Alauddin Riayat Shah I
Kapal perang musuh	Diserang
selamat	sempit
benteng	Berbukit bukau

Pusat pemerintahan Kota Batu, Johor Lama

1. Pada tahun 1540, Sultan Alauddin Riayat Shah 1 memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Batu, Johor Lama.
2. Kawasan ini juga dikenali sebagai _____.
3. Kedudukan yang _____ di Sungai Johor yang lebar dan _____ memudahkan kemasukkan kapal dagang